

Sila lampirkan Jadual Sijil
Please affix the Certificate Schedule

TAKAFUL PA PLUS

TAKAFUL PRIVILEGE PA

Dokumen Penting – Sila Simpan di tempat yang selamat

Ini Sijil anda. Sila baca dengan teliti dan simpan bersama-sama dengan dokumen – dokumen yang berkaitan dengan Sijil ini di tempat yang selamat supaya mudah dirujuk apabila perlu.

Important Documents – Please keep in a safe place

This is your Certificate. Please read it carefully and keep it in a safe place with all other documents concerning to this Certificate for easy reference in the future.

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Permohonan Anda untuk menyertai Skim Takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan Permohonan yang Anda telah tandatangi berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Jika Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan pernyataan fakta dan apa-apa maklumat yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan Takaful sekiranya berlaku kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak Takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

INTRODUCTION

Takaful is a mutual assistance scheme based on the spirit of brotherhood and solidarity where Participants like You agree to assist each other financially in case of certain defined need. With this intention in mind, Participants pay their Contributions on the basis of Tabarru' (donation) to the General Takaful Fund (Fund) managed by Etiqa General Takaful Berhad (Takaful Operator). Payment of sum covered to Participants is payable from the Fund based on the concept of Tabarru'.

As the Takaful Operator, We are responsible for selecting Participants and to determine and collect the Contributions. We are also responsible for investing the Fund and paying Benefits to entitled Participants. All proceeds from investments will be credited into the Fund. The Fund is collectively owned by the Participants where Tabarru' portion of the contribution is placed for the purpose of takaful. The relationship between You and Us is governed by the Wakalah (agency) contract.

The surplus from the Fund will be determined annually and will be payable for annual Certificate. The distribution, if any, makes allowance for contingency provisions, and is subject to the surplus policy approved by Our Shariah Committee. The distributable surplus, if any, is fifty percent (50%) paid to Us as a performance fee for operating and managing the Fund, based on the contract of Ju'alah (reward), and the remaining fifty percent (50%) is shared between Participants whose Certificates have not terminated and who have not made any claim within the financial year. In the event of any deficit from the Fund, there will be no surplus distribution for that financial year. Under such circumstance, the deficit will be first funded by the amount allocated for contingency purposes. If the Fund is still in deficit, a Qard (interest-free loan) will be arranged. The Qard will be carried forward to the following financial year and any surplus emerging thereafter will be used to pay off the Qard. If the surplus is less than Ringgit Malaysia Ten (RM10.00), We shall credit such sum into a charitable fund, which will be utilized as Amal Jariah on behalf of the Participants.

Your application to join this Takaful Scheme as a Participant has been accepted based on the application You signed and any other information provided to Us. If You did not fill in the Application Form, Our acceptance is based on the statement of fact and on any other information You gave Us. As a Participant, You will receive Takaful cover for death or Total Permanent Disability that may happen to You during the Period of Takaful according to the terms and conditions of this Takaful contract.

This Takaful contract is made up of the Application Form, this Certificate and Schedule. You should read them together carefully to make sure that You get the cover You need.

SIJIL TAKAFUL PA PLUS DAN TAKAFUL PRIVILEGE PA

1. Sijil ini, Jadual dan Endorsemen, sekiranya ada, adalah bukti kepada perjanjian di antara Anda (Orang Yang Dilindungi) dengan pihak Kami. Permohonan yang dibuat kepada Kami, dan maklumat penting seperti didedahkan kepada Kami berkaitan dengan Takaful ini hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
2. Jika Anda gagal mendedahkan kepada Kami secara penuh dan tepat, semua fakta yang Anda tahu atau sepatutnya tahu, atau jika Anda salah nyata mana-mana fakta penting kepada Kami sebelum Sijil dimulakan, Kami boleh mengetepikan Sijil ini.
3. Jika anda dikehendaki oleh Kami, sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah, untuk menjawab apa-apa soalan atau jika Anda diminta untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah dinyatakan oleh Anda kepada Kami berhubung dengan Sijil ini, adalah menjadi tanggungjawab Anda untuk mengambil langkah yang sewajarnya dan tidak membuat salahnyataan apabila menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah dinyatakan.
4. Anda dikehendaki secara berterusan mendedahkan sehingga mana Sijil ini dibuat, diubah atau diperbaharui.

PERLINDUNGAN

Dalam tempoh Takaful ini, pihak kami membayar Manfaat yang telah ditetapkan jika Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal, Kematian atau Penghospitalkan dalam tempoh 52 minggu dari masa kemalangan berlaku dengan syarat Anda telah menjelaskan Sumbangan dan pihak kami bersetuju menerimanya.

PEMBAYARAN SUMBANGAN

Adalah menjadi asas dan syarat keistimewaan mutlak bagi kontrak Takaful ini bahawa sumbangan penuh perlu dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil ini, Endorsemen atau Pembaharuan, akan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil ini akan secara automatik terbatal dan tidak sah.

Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini.

a) Bayaran Sumbangan Bulanan

Bayaran sumbangan bulanan bermaksud salah satu dari siri bayaran bulanan yang berterusan, di mana bayaran pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa sebagaimana tercatat di dalam Jadual & bayaran untuk bulan-bulan yang berikutnya akan dibuat pada setiap bulan sesudah itu. Bayaran Sumbangan akan didebit terus dari akaun Anda apabila tiba masanya.

b) Bayaran Sumbangan Tahunan

Bayaran Sumbangan tahunan bermaksud salah satu dari siri bayaran tahunan yang berterusan, di mana bayaran pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa sebagaimana tercatat di dalam Jadual & bayaran berikutnya akan dibuat pada setiap tahun sesudah itu. Bayaran Sumbangan akan didebit terus dari akaun Anda apabila tiba masanya.

BAYARAN MANFAAT

Jumlah nilai Manfaat adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Manfaat Ketidakupayaan Kekal

Manfaat	Takaful PA Plus (RM)	Takaful Privilege PA (RM)
a) Lumpuh sepenuhnya, hilang akal sama sekali atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal	150,000	300,000
b) Pendapatan Ketidakupayaan	40,000	80,000
c) Manfaat Pemulihan	10,000	20,000

Manfaat Berbayar Maksima Lumpuh Sepenuhnya Manfaat 1b & 1c di atas hanya akan dibayar bersama Manfaat 1a sekali gus, contohnya jika berlaku Lumpuh sepenuhnya, hilang akal sama sekali atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal.	200,000	400,000
--	---------	---------

2. Manfaat Ketidakupayaan Kekal yang Lain

Manfaat	Takaful PA Plus (RM)	Takaful Privilege PA (RM)
a) Hilang daya penglihatan kekal sepenuhnya kedua-dua mata atau hilang upaya kekal sepenuhnya pada kedua-dua belah tangan atau kaki ataupun kedua-duanya sekali.	150,000	300,000
b) Hilang Daya Pertuturan Kekal Sepenuhnya	150,000	300,000
c) Hilang Daya Pendengaran Kekal Sepenuhnya bagi kedua-dua belah telinga.	150,000	300,000
d) Hilang Daya Penglihatan Kekal Sepenuhnya sebelah mata atau hilang upaya kekal sepenuhnya pada sebelah tangan atau kaki.	75,000	150,000
e) Hilang Daya Pendengaran Kekal Sepenuhnya bagi sebelah telinga.	30,000	60,000
f) Hilang upaya kekal sepenuhnya penggunaan bahu, siku, pinggul, lutut, pergelangan tangan atau pergelangan kaki.	22,500	45,000
g) Hilang Keupayaan Kekal Sepenuhnya atau kehilangan anggota akibat dikudungkan bagi:		
i) Satu ibu jari tangan	22,500	45,000
ii) Satu jari telunjuk	15,000	30,000
iii) Salah satu jari tangan yang lain atau satu ibu jari kaki	7,500	15,000
iv) salah satu jari kaki yang lain.	3,000	6,000

Sekiranya Ketidakupayaan Kekal yang dialami tidak seperti yang dinyatakan, jumlah Manfaat akan ditentukan mengikut kadar Kehilangan Keupayaan Kekal yang dialami dengan jadual di atas.

3. Manfaat Kematian

Manfaat	Takaful PA Plus (RM)	Takaful Privilege PA (RM)
a) Kemalangan Maut		
i) Individu – ketika menaiki kenderaan sewaktu berada di luar Negara Malaysia, Brunei & Singapura.	100,000	300,000
ii) Individu – ketika menaiki kenderaan awam atau kemalangan sewaktu berada di dalam Malaysia, Brunei & Singapura. Jika berlaku kematian yang disebabkan oleh kemalangan, pihak kami hanya akan membayar salah satu daripada Manfaat di atas iaitu Manfaat 3a(i) atau 3a(ii), mana yang berkaitan.	50,000	150,000
b) Tunai Belas Kasihan Bayaran sekaligus kepada keluarga jika berlaku kematian akibat kemalangan.	2,000	6,000

c) Manfaat Penghantaran Pulang Jenazah Bayaran sekali gus untuk membawa balik jenazah Peserta dari tempat berlaku kematian di luar Negara disebabkan oleh kemalangan, ke Negara asal (Malaysia, Brunei/ Singapura).	3,000	6,000
---	-------	-------

4. Manfaat Rawatan Pesakit Luar (bagi setiap kemalangan)

Manfaat	Takaful PA Plus (RM)	Takaful Privilege PA (RM)
a) Kos Rawatan		
i) Manfaat Tunai Pesakit Luar Bayaran sekaligus tanpa mengambil kira jumlah yang tercatat di resit, untuk rawatan kecemasan di klinik/hospital yang berdaftar.	100	100
ii) Manfaat Pembayaran Balik Kos Rawatan Pesakit Luar Sekiranya kos rawatan kecemasan di hospital/klinik yang berdaftar itu melebihi jumlah Manfaat yang dibayar di atas a(i), kami akan membayar balik jumlah tambahan sehingga had maksima seperti yang dinyatakan.	Tidak Dilindungi	400
b) Manfaat Kecelakaan Ragut Bayaran sekaligus ke atas kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh kejadian ragut (berserta laporan polis).	150	300

5. Manfaat perubatan Hospital (bagi setiap kemalangan)

Manfaat	Takaful PA Plus (RM)	Takaful Privilege PA (RM)
a) Manfaat Pembayaran Balik Kos Rawatan Pembayaran balik kos sebenar untuk rawatan di hospital atau klinik yang berdaftar akibat kemalangan (sehingga had maksima seperti yang dinyatakan termasuk kos laporan perubatan).	Sehingga 1,000	Sehingga 4,500
b) Manfaat Tunai Hospital Manfaat bagi setiap hari untuk kemasukan ke hospital dengan bayaran maksima sehingga 100 hari disebabkan oleh kemalangan.	100 sehari	200 sehari

6. Fi Ambulans (bagi setiap kemalangan)

Manfaat	Takaful PA Plus (RM)	Takaful Privilege PA (RM)
Pembayaran balik fi sebenar (sehingga had maksima seperti yang dinyatakan) untuk perkhidmatan ambulans, tertakluk kepada penyerahan resit asal.	Sehingga 200	Sehingga 500

Manfaat Untuk Anak-Anak Yang Layak

Kesemua Manfaat bagi setiap anak adalah 25% daripada jumlah yang dinyatakan.

Umur

Tiada Peserta akan dilindungi di bawah Sijil ini telah mencapai umur 70 tahun. Perlindungan Takaful yang diberi oleh Sijil ini akan

ditamatkan apabila Orang Yang Dilindungi sudah mencapai umur tujuh puluh (70) tahun.

PERUNTUKAN

- Jika Manfaat yang dituntut untuk;
 - Hilang Keupayaan Kekal Sepenuhnya bagi salah satu anggota kaki atau tangan maka tiada Manfaat lain yang boleh dituntut untuk bahagian-bahagian lain anggota kaki atau tangan tersebut; atau
 - Hilang Keupayaan bagi anggota kaki atau tangan atau kehilangan penggunaan bahagian salah satu anggota tersebut, maka jumlah Manfaat yang akan dibayar tidak akan melebihi Manfaat yang akan dibayar untuk Hilang Keupayaan Kekal bagi keseluruhan anggota kaki & tangan berkenaan.
- Jika Manfaat yang dituntut lebih daripada satu jenis Hilang Keupayaan Kekal akibat sesuatu kemalangan, maka pihak Kami tidak akan membayar melebihi daripada Manfaat bagi lumpuh sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal.
- Sebelum pihak Kami membayar Manfaat Hilang Keupayaan Kekal bagi Butiran 1a di dalam Jadual Bayaran Manfaat yakni lumpuh sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal, ia mestilah dialami selama 52 minggu dan pihak kami berpuas hati bahawa Hilang Keupayaan itu berkekalan dan tidak ada harapan untuk dipulihkan.

Walaupun bagaimanapun, jika pihak Kami berpuas hati bahawa lumpuh sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan kekal terlantar sakit pihak Kami akan menggunakan budi bicara untuk membayar Manfaat tersebut sebelum tamat tempoh 52 minggu.
- Pihak Kami tidak akan membayar kedua-dua Manfaat Hilang Keupayaan Kekal dan Kematian ke atas Peserta akibat daripada kemalangan yang sama.
- Kadangkala kesan penuh akibat kemalangan tidak begitu ketara pada waktu kemalangan walaupun Hilang Keupayaan Kekal boleh berlaku semasa kemalangan dan oleh kerana itu pihak Kami perlu menunggu bagi satu jangka masa yang bersesuaian untuk memastikan kesan penuh kecederaan yang sebenarnya.

PERUNTUKAN AM

Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Sijil ini adalah berkuatkuasa seperti tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual. Pembaharuan Sijil adalah satu tahun selepas tarikh berkuatkuasa dan setiap tahun berikutnya.

Sijil ini boleh diperbaharui secara tahunan mengikut pilihan Kami. Kami berhak untuk memperbaharui, membatalkan atau mengubah mana-mana terma semasa pembaharuan Sijil (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar). Tertakluk kepada pembayaran Sumbangan oleh Anda kepada Kami, Sijil ini akan dianggap diperbaharui secara automatik dan terus berkuatkuasa berdasarkan tiada sebarang tarikh tamat yang terkandung di dalam Jadual.

Kami akan menghantar pemberitahuan untuk mengesahkan pembaharuan Sijil Anda. Selepas pembaharuan, perlindungan Anda akan diteruskan secara automatik mengikut jadual pembaharuan yang berkenaan, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Anda.

Syarat-Syarat Tuntutan

a) Pemberitahuan Kemalangan

Semua tuntutan mestilah dibuat sendiri/menerusi wakil Anda/ waris yang sah di sisi undang-undang secara bertulis kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari tentang apa-apa Kematian atau Kecelakaan yang mungkin mengakibatkan tuntutan di bawah Sijil ini.

b) Dokumen

Semua laporan perubatan, Sijil, maklumat dan bukti-bukti yang diperlukan oleh Kami untuk menyokong tuntutan mestilah dikemukakan atas tanggungan Anda atau mana-mana pihak yang menuntut sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi. Jika Kami memerlukan Orang Yang Dilindungi untuk menjalani pemeriksaan lanjutan, kos tersebut akan ditanggung oleh Kami. Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, Kami memerlukan sijil kematian sebagai bukti dan mungkin memerlukan pemeriksaan bedah siasat dibuat atas tanggungan Anda.

Tuntutan adalah dianggap sebagai tidak lengkap dan Manfaat

yang layak tidak akan dibayar melainkan jika laporan perubatan, sijil, maklumat dan bukti-bukti untuk tuntutan tersebut telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kami. Untuk sebarang tuntutan berkenaan dengan bayaran balik perubatan, hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik yang mana tertakluk kepada pengemukaan resit asal.

c) **Penyelesaian Tuntutan**

- i) Kami akan membayar apa-apa Manfaat di bawah Sijil ini kepada Anda, atau penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir sekiranya berlaku kematian terhadap Anda mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- ii) Bayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syarat oleh Anda, dan setakat mana ia dikenakan, oleh Orang Yang Dilindungi atau mana-mana pihak menuntut.

Pekerjaan Pentadbiran/Perlindungan Di luar Waktu Bekerja

Sekiranya Anda terlibat dalam mana-mana pekerjaan yang dikecualikan yang dinyatakan dalam perkara (g) di bahagian Pengecualian, Anda masih akan dilindungi di bawah Sijil ini, dengan syarat bahawa:

- a) Anda digaji untuk melakukan kerja-kerja pengkeranian atau pengurusan (desk-work) sahaja;
- b) Anda tidak bertugas dan atau telah pun berada di daratan pada masa Kemalangan berlaku dan Kecederaan Badan tidak timbul pada masa bertugas atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda.

Fasal Had Sekatan

Sijil ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Fasal Kehilangan

Jika Orang Yang Dilindungi ini hilang, semasa perlindungan Takaful ini masih berkuatkuasa dan:

- a) Jasadnya tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya, dan
- b) Bukti yang mencukupi untuk memuaskan Kami dan membawa kepada kesimpulan bahawa beliau mengalami Kecederaan Badan akibat kemalangan dan kecederaan tersebut menyebabkan kematiannya,

Kami akan membayar Manfaat kematian di bawah kontrak Takaful ini dengan syarat bahawa orang yang akan dibayar ini perlu menandatangani aku janji untuk memulangkan wang yang telah dibayar kepada Kami jika Orang Yang Dilindungi ini kemudiannya didapati masih hidup.

Tanggungjawab dan Hak Terhadap Data Perlindungan

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- a) Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;
- b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- d) Syarikat insurans atau pengendali takaful lain dan wakil pengedar (contohnya, bank, bank-bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula);
- e) Pertubuhan Perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.

Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Sijil ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Online di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.

Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Sijil ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

Hak untuk menamakan

Sekiranya Peserta adalah Orang Yang Dilindungi, Peserta Sijil ini boleh;

- a) Menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Takaful yang akan dibayar sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, sama ada sebagai Wasi atau Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat; atau

Penamaan boleh dibuat:

- b) Semasa permohonan dibuat; atau
- c) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis.

Peserta boleh menentukan bahagian pengagihan untuk dibayar kepada setiap Penama. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar Penama-penama secara sama rata.

Jika terdapat lebih daripada seorang Penama dan mana-mana Penama yang telah dinamakan sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia terlebih dahulu sebelum Peserta, Kami akan membayar bahagian Penama yang meninggal dunia tersebut, apabila Peserta meninggal dunia kepada harta pusaka Peserta kecuali Peserta telah menamakan Penama yang lain selepas kematian Penama tersebut.

Penamaan Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat hendaklah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kesan terhadap pemindahan hak terhadap Manfaat Takaful yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Peserta kepada Penama. Pemindahan Manfaat Takaful tersebut tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta, atau tertakluk kepada hutang mereka.

Tanggungjawab Wasi yang dinamakan

Sekiranya Penama dilantik sebagai Wasi, bahagian setiap Wasi akan ditetapkan di dalam Borang Penamaan Wasi.

Bagi Peserta beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful tersebut seperti yang dinyatakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, undang-undang Islam dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Peserta yang meninggal dunia.

Bagi Peserta yang bukan beragama Islam, Wasi perlu mengagihkan Manfaat Takaful mengikut wasiat Peserta yang meninggal dunia dan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengagihan harta pusaka Peserta. Jika pada masa tuntutan, seorang Wasi telah meninggal dunia sebelum Peserta, peraturan bagi Wasi yang meninggal dunia akan diagihkan sama rata antara Wasi yang masih hidup, yang akan bertindak sebagai Wasi untuk mengagihkan manfaat tersebut.

Hak untuk membatalkan penamaan

Penamaan akan dibatalkan:

- Apabila semua Penama-penama meninggal dunia semasa Peserta masih hidup;
- Melalui notis bertulis daripada Peserta kepada Kami; atau
- Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Peserta kepada Kami.

Penamaan tidak akan terbatal melalui wasiat atau melalui sebarang tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.

DEFINISI

Anda/Kamu bermaksud Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Jadual.

Kita/Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Sumbangan bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Sijil ini dan termasuk caj-caj yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Peserta

Peserta adalah dikenal pasti menerusi Skim yang Dipilih seperti yang dinyatakan di dalam Jadual:

Definisi Skim yang dipilih adalah seperti berikut:

- Skim Individu** bermaksud hanya Peserta yang akan dilindungi.
- Skim Individu dan Pasangan** bermaksud Peserta dan Pasangan (isteri atau suami) Anda akan dilindungi.
- Skim Keluarga** bermaksud Peserta, Pasangan (isteri atau suami) Anda dan Anak-anak Anda yang layak akan dilindungi.

Pasangan yang Dilindungi bermaksud Pasangan Peserta melalui perkahwinan yang sah dan dinyatakan di dalam Jadual Sijil. Bagi tujuan Sijil Takaful ini, perkahwinan secara 'common law' tidak dianggap sebagai perkahwinan yang sah kecuali di bawah 'the Law of Reform (Marriage & Divorce) Act 1976'

Kelayakan Peserta bermaksud Orang Yang Dilindungi yang berumur melebihi lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi enam puluh (60) tahun.

Anak Yang Layak bermaksud anak-anak yang belum berkahwin yang di bawah tanggungan anda, anak tiri dan anak angkat yang diambil secara sah melalui undang-undang, yang berumur lebih daripada satu (1) bulan dan di bawah lapan belas (18) tahun atau dua puluh lima (25) tahun, jika masih belajar di Institusi Pengajian Tinggi, dan yang tidak bekerja, semasa mengalami kecederaan.

Kecederaan Badan bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Takaful yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan. Ini tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, jangkitan parasit atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan, atau apa-apa keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses hilang upaya atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara berperingkat.

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Kehilangan Daya Penglihatan bermaksud kehilangan mata secara fizikal atau hilang daya penglihatan sepenuhnya dan kekal yang mana akan dipertimbangkan sebagai telah berlaku kepada:

- Kedua-dua belah mata yang disahkan oleh pakar optikalmik yang bertauliah dan berdaftar. Walau bagaimanapun, pihak Kami berhak untuk mendapatkan pendapat kedua.
- Sebelah mata jika darjah pandangan yang tinggal selepas dipulihkan hanya 1/60 atau kurang berdasarkan Skala Snellen (bererti anda boleh melihat pada jarak 1 kaki objek yang berjarak 60 kaki). Walau bagaimanapun, pihak Kami berhak untuk mendapatkan pendapat kedua.

Kehilangan anggota Kaki dan Tangan bermaksud

- Bagi tangan
 - Keseluruhan tangan/keempat-empat jari dikudungkan pada paras pangkal jari yang bersambung dengan tapak tangan atau
 - Hilang keupayaan kekal bagi tangan keseluruhannya atau keempat-empat jari.

- Bagi kaki
 - Sebelah kaki (pada paras atau atas daripada buku lali) dikudungkan atau
 - Hilang keupayaan kekal bagi sebelah kaki.

Pengamal Perubatan bermaksud pengamal perubatan bertauliah yang sah, selain daripada anda atau mana-mana ahli keluarga terdekat.

Penghospitalan bermaksud kemasukan atau siri-siri kemasukan dari punca yang sama kecuali jika kemasukan dari punca yang sama berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan atau lebih, kemasukan tersebut akan ditakrifkan sebagai penghospitalan yang berasingan.

Sehari Kemasukan ke Hospital bermaksud sehari di mana pihak Hospital mengenakan caj bayaran di atas penggunaan kemudahan bilik kepada Anda sebagai pesakit untuk tempoh minimum dua puluh empat (24) jam dengan syor daripada Pengamal Perubatan.

Hospital bermaksud mana-mana institusi yang memenuhi kesemua ciri-ciri yang berikut:

- Mengendalikan kemudahan-kemudahan yang kekal dan sepenuh masa untuk penjagaan pesakit yang bermalam dan menetap; dan
- Mempunyai kemudahan-kemudahan diagnos dan terapi untuk diagnos pembedahan, perubatan & rawatan serta penjagaan bagi orang-orang yang tercedera & sakit oleh kakitangan Pengamal Perubatan ataupun dengan penyeliaan kakitangan tersebut.
- Menyediakan perkhidmatan kejururawatan siang malam (24 jam) sedara selanjut di bawah penyeliaan jururawat-jururawat yang bertauliah.
- Bukan institusi pemulihan pesakit otak atau tempat berehat atau rumah orang-orang tua atau tempat pemulihan penagih dadah atau arak.

Kenderaan Awam bermakna sebarang bas, teksi, kapal, keretapi, feri, bot, hoverkraf atau sebarang pesawat terbang yang disewa atau terbang mengikut jadual, yang dilesenkan untuk memberi perkhidmatan kepada penumpang.

Endorsemen bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini. Endorsemen ke atas Sijil ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

Jadual bermaksud helaian maklumat yang mengandungi butir-butir peribadi Peserta, Manfaat, Sumbangan dan Tempoh Takaful yang dilampirkan bersama Sijil ini.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Permohonan bermaksud Permohonan yang telah Anda tandatangi dan maklumat lain yang Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda telah berikan pada Kami.

Penama ialah seseorang yang telah Anda namakan diborang penamaan yang akan menerima Manfaat.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Perjalanan Luar Negeri bermaksud perjalanan keluar daripada Negara Malaysia, Singapura, Brunei dan bukannya kepada Negara asal Peserta.

Data Peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaihan Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaihan Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak;
- cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma; dan
- penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau FMOS bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

PENGECUALIAN

Had-had Aktiviti

Pihak Kami tidak akan membayar apa-apa Manfaat jika sekiranya Peserta mengalami kecederaan semasa:

- Mengambil bahagian dalam sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Di bawah pengaruh arak;
- Mengambil bahagian di dalam (atau mengamalkan atau mengambil bahagian di dalam latihan yang khusus dengan) sukan ekstrim, selam skuba, pendakian gunung, berbasikal gunung atau offroad, papan luncur, roller luncur, lompat bungee, pendakian gunung batu atau tebing gunung, meneroka gua, penerjunan payung, kegiatan-kegiatan dibawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan, sukan musim dingin (tidak termasuk permainan lompat batu kepada air beku dan meluncur), bermain bola ragbi, perlumbaan (kecuali lumba baki);
- Apa saja jenis sukan, sama ada disebut atau tidak, yang dimainkan sebagai professional atau semi professional;
- Mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai sorang penumpang dalam sebuah kapal terbang yang mempunyai lesen penuh membawa penumpang, tetapi tidak:
 - Sebagai seorang anak kapal;
 - Dengan tujuan berniaga atau dalam operasi teknikal di dalam atau di atas kapal terbang;
- Mengambil bahagian di dalam selaman, penggerudian, pembalakan, kerja-kerja bawah tanah, pembuatan atau pengendalian atau penjagaan atau meletupkan bahan letupan pengeluaran gas atau semasa bertugas sebagai anak kapal atau nelayan atau pekerja pelantar minyak; atau
- Mengambil bahagian di dalam tugas berhubung dengan pasukan tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis, jabatan bomba atau sebarang operasi yang berkaitan dengan ketenteraan atau sebarang pekerja yang bersenjata; atau

- Semasa menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Orang Yang Dilindungi memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu seperti di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang lain yang berkaitan.

Tuntutan

Jika sekiranya berlaku kemalangan yang layak dibuat tuntutan & pihak Kami telah membayar Manfaat Hilang Keupayaan Kekal bagi butiran 1a, 2a, 2b atau 2c di dalam Jadual Manfaat, maka Sijil ini luput bagi Pesertanya.

Takaful/Insurans Lain

Seseorang itu tidak boleh dilindungi lebih daripada satu Sijil Takaful PA Plus, Privilege PA atau Sijil Takaful atau Polisi Insurans yang bersamaan dengannya yang dikeluarkan oleh Kumpulan Etiqa. Sekiranya Peserta mempunyai perlindungan lebih daripada satu Sijil atau Polisi, Kami akan menganggap bahawa orang itu dilindungi di bawah Sijil atau Polisi pertama yang dikeluarkan (jika Manfaat di bawah setiap satu Sijil atau Polisi tersebut adalah serupa sama sekali) atau Sijil atau Polisi yang menawarkan Manfaat paling tinggi dan Kami akan mengembalikan sebarang sumbangan atau premium yang telah dibayar oleh Peserta atau wakil Peserta untuk perlindungan satu lagi.

Had-had Individu

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat di bawah Sijil ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

- Mati, atau mendapat Kecederaan akibat membunuh diri atau cuba membunuh diri, mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau gila;
- Mengalami Hilang Keupayaan Kekal, Kematian atau Penghospitan akibat daripada atau disebabkan oleh pengambilan dadah kecuali pengambilan itu atas nasihat doktor & bukan pula untuk pemulihan ketagihan dadah;
- Mengalami Hilang Keupayaan Kekal, Kematian/Penghospitan akibat daripada atau disebabkan oleh kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak; atau
- Menghidap HIV (Virus Imunodefisiensi Manusia) dan/atau HIV yang lain yang menyebabkan penyakit-penyakit yang lain termasuk AIDS (Sindrom Hilang Daya Ketahanan Badan) dan/atau derivatif mutan atau variasi-variasi yang lain;
- Mendapat Kecederaan Badan secara langsung atau tidak langsung atau disebabkan oleh:
 - Sinar pengionan atau kontaminasi radioaktif daripada bahan api nuklear daripada pembakaran merangkumi proses sisa ketahanan pemisahan nuklear.
 - Bahan-bahan senjata nuklear.
- Akibat daripada atau disebabkan oleh keadaan sedia ada;
- Mengalami Penyakit Berjangkit atau ketidakseimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit.

Risiko Perang

Pihak Kami tidak akan membayar apa-apa Manfaat jika sekiranya Peserta mendapat Kecederaan akibat perang, penaklukan, pencerobohan musuh daripada luar, ketegangan (tanpa mengira perang diisytiharkan atau tidak) perang saudara, pemberontakan, rampasan kuasa (revolusi), rampasan kuasa tentera atau tindakan pengganas.

Tindakan Pengganas

Untuk tujuan ini tindakan pengganas bermaksud tindakan yang melibatkan tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan pada ketika itu oleh seseorang atau kumpulan samada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan sesebuah organisasi atau kerajaan atas dasar politik, keagamaan, ideologi atau tujuan-tujuan yang sama termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau masyarakat atau sebahagian daripada masyarakat, dalam ketakutan.

Kelayakan Pemastautin

Sijil ini hanya berkuatkuasa semasa Orang yang Dilindungi bermastautin di Malaysia, Singapura atau Brunei.

PENAMATAN SIJIL

Jika sekiranya Peserta memberi notis secara bertulis kepada pihak Kami untuk menamatkan sijil, atau untuk menamatkan perlindungan untuk Peserta, maka penamatan itu akan berkuatkuasa daripada tarikh notis Kami terima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau mana-mana yang terkemudian.

1. Penamatan Secara Automatik

Perlindungan Sijil ini akan tamat:

- a) Jika berlaku kematian ke atas Peserta;
- b) Perlindungan Takaful bagi Peserta akan luput pada tarikh pembaharuan apabila mencapai umur 70 tahun (rujuk pada tarikh lahir);
- c) Apabila Peserta atau suami/isteri anda tidak layak lagi sebagai Peserta; atau
- d) Apabila Peserta tidak lagi bermastautin di Malaysia, Singapura dan Brunei.

2. Penamatan Oleh Peserta

Jika sekiranya Peserta memberi notis secara bertulis kepada pihak Kami untuk menamatkan Takaful atau untuk menamatkan perlindungan untuk Orang yang Dilindungi, maka penamatan itu akan berkuatkuasa dari tarikh notis diterima oleh Kami atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau mana-mana tarikh yang kemudian.

3. Penamatan oleh Kami

Tertakluk pada peruntukan yang tercatat dalam Sijil ini maka Kami akan memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan surat berdaftar kepada Peserta di alamat yang terakhir atau melalui mel elektronik yang diketahui. Penamatan yang seperti itu akan berkuatkuasa empat belas (14) hari selepas tarikh notis dikeluarkan oleh pihak Kami.

4. Sumbangan Tidak Dijelaskan (untuk Sumbangan bulanan)

- a) Jika Sumbangan permulaan tidak dibayar oleh Peserta, Sijil ini tidak sah dari tarikh berkuatkuasanya.
- b) Jika satu atau lebih Sumbangan telah dijelaskan tetapi Sumbangan yang berikutnya tidak dibayar, maka Sijil akan tamat berkuatkuasa dari tarikh Sumbangan yang tidak dibayar itu.

5. Masa Efektif Penamatan

Sijil ini, atau Takaful bagi Peserta akan luput pada pukul 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh yang tercatat dalam Sijil.

6. Kedudukan Sumbangan Tat kala Penamatan

Jika Sumbangan telah dijelaskan untuk sebarang tempoh lebih dari tarikh penamatan Sijil ini atau lebih dari tarikh penamatan Takaful bagi Peserta, bahagian Sumbangan yang berkenaan itu akan dipulangkan kepada Pemegang Sijil. Tetapi sekiranya Sumbangan untuk sebarang tempoh hingga ke tarikh penamatan belum dijelaskan maka adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk menjelaskannya.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Etika General Takaful Berhad
Tingkat 13, Tower B, Dataran Maybank
